

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL  
(SUNGAI PETANI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 31.03.2015**

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah impak terhadap pendapatan Petronas dan hasil Kerajaan Persekutuan jika mana harga minyak mentah antarabangsa turun USD1 per barrel.

**JAWAPAN**

Sumbangan PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan meliputi hasil cukai langsung yang merangkumi cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan petroleum, duti eksport, bayaran tunai (royalti) dan dividen. Dari segi impak setiap penurunan harga minyak mentah antarabangsa

sebanyak USD1 setong, dianggarkan keuntungan sebelum cukai PETRONAS akan berkurang dalam lingkungan RM1 bilion, tidak termasuk dividen daripada PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan.

2. Berhubung dengan impak kepada hasil Kerajaan Persekutuan pula, kesannya agak berbeza memandangkan hasil Kerajaan Persekutuan daripada sumber petroleum merangkumi hasil daripada cukai pendapatan petroleum, duti eksport, royalti (bayaran tunai), dividen PETRONAS dan hasil daripada MTJA (Malaysia Thailand Joint Development Area). Bagi setiap penurunan harga minyak mentah antarabangsa sebanyak USD1 setong, hasil Kerajaan Persekutuan dianggarkan menyusut dalam lingkungan RM300 juta pada tahun semasa. Jumlah tersebut tidak mengambilkira impak kepada dividen PETRONAS oleh kerana penetapannya kepada hasil Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada purata harga minyak mentah pada tahun sebelumnya.